

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU
NAIDU [BATU GAJAH]
TARIKH : 10 NOVEMBER 2014
SOALAN :

YB Tuan Sivakumar A/L Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan bagi kerja-kerja penyelenggaraan Klinik-Klinik 1 Malaysia (K1M) di seluruh negara. Berapakah jumlah Klinik 1 Malaysia yang sedang beroperasi mengikut negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 20 Oktober 2014, terdapat 273 buah Klinik 1Malaysia (K1M) di seluruh negara iaitu 4 di Perlis, 18 di Kedah, 17 di Pulau Pinang, 18 di Perak, 30 di Selangor, 23 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 16 di Negeri Sembilan, 17 di Melaka, 27 di Johor, 17 di Pahang, 11 di Terengganu, 16 di Kelantan, 27 di Sarawak, 31 di Sabah dan 1 di Labuan.

Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM1000.00 sebulan bagi setiap K1M untuk penyelenggaraan.